

MAHATHIR

DARI ZAINOOR SULAIMAN  
1980

DENPASAR, 11 JAN. (BERNAMA) — ASEAN YANG TELAH MENCAPAI SATU PERINGKAT KERJASAMA BOLEH MEMBERI SUMBERAN YANG EFEKTIF KE ARAH PEMBANGUNAN DAN KEMAJUAN DI RANTAU PASIFIK, KATA TIMBALAN PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

NEGARA-NEGARA ANGGOTA ASEAN TELAH DAPAT BEKERJASAMA MENGENAI BEBERAPA PROJEK SERANTAU DAN UNTUK MENINGKATKAN PERDAGANGAN YANG SEBELUM INI SETENGAH DARIPADA NEGARA ANGGOTA ITU TIDAK ADA LANGSUNG HUBUNGAN PERDAGANGAN.

+PENDIRIAN BERSAMA MENGENAI BEBERAPA ISU ANTARABANGSA JUGA MENJADI BUKTI TENTANG RAPATNYA HUBUNGAN KERJASAMA ITU+, KATANYA KEPADA LEBIH 150 ORANG PESERTA DAN PEMERHATI DI PEMBUKAAN RASMI SIDANG ASIA PASIFIK DALAM TAHUN 1980AN YANG DIANJURKAN OLEH PUSAT INDONESIA BAGI KAJIAN STRATIJIK DAN ANTARABANGSA (CSIS).

THEMA SIDANG TIGA HARI ITU IALAH +KE ARAH PENYELARASAN YANG LEBIH BERKESAN TERHADAP DASAR GANTUNG-BERGANTUNG EKONOMI.+

DALAM UCAPAN DASARNYA DI PERSIDANGAN ITU, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KERJASAMA EKONOMI ASEAN ADALAH HASIL SAMPINGAN KEAZAMAN ASAS UNTUK MENGADAKAN SATU FORAM BAGI MENGATASI MASALAH DAN SENGKETA YANG DIHADAPI BERSAMA DI KALANGAN NEGARA-NEGARA JIRAN. — BERSAMBUNG

1644/LK  
MAHATHIR 2 DENPASAR

ASEAN KINI MUNCUL BUKAN SAJA SEBAGAI KUMPULAN YANG MENGUNTUNGAN BAHKAN DINAMIK DARI SEGI EKONOMI DAN STABIL KEDUDUKAN POLITIK.

DR. MAHATHIR BERKATA ASEAN PERCAYA KEPADA DASAR GANTUNG-BERGANTUNG ANTARA SATU SAMA LAIN.

KATANYA, BERIKUTAN DENGAN ITU PROJEK USAHASAMA DAN DASAR CUKAI YANG MENGUNTUNGAN NEGARA-NEGARA ANGGOTA MENJADI SATU BENTUK KERJASAMA ASEAN.

BELIAU MENAMBAH +APABILA NEGARA-NEGARA BERKENAAN MELANGKAH DARI MEMAINKAN PERANAN SEBAGAI PENGELUAR BAHAN-BAHAN UTAMA KEPADA PERINDUSTRIAN DASAR GANTUNG-BERGANTUNG ITU SEMAKIN KETARA PENTINGNYA+.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEKANKAN BAHWA ASEAN MEMPUYAI POTENSI YANG MENGGALAKKAN SEPERTI YANG TELAH DIBUKTIKAN DARI PENCAPAIAN EKONOMI NEGARA-NEGARA ANGGOTA. DALAM TAHUN 1979 EKONOMI ASEAN PADA KESELURUHANNYA DIJANGKA BERKEMBANG ANTARA ENAM HINGGA LAPAN PERATUS.

RANTAU PASIFIK JELAS MERUPAKAN SATU KAWASAN YANG KAYA DENGAN POTENSI UNTUK PEMBANGUNAN DAN UNTUK MEMPENGARUHI NEGARA-NEGARA DUNIA YANG LAIN TETAPI IA TIDAK SEHEBAT DAN SELARAS DALAM PEMBANGUNANNYA SEPERTI DI RANTAU ATLANTIK.

DR. MAHATHIR MINGGATKAN BAHWA SEBELUM SEBARANG LANGKAH DIAMBIL, NEGARA-NEGARA DI RANTAU INI HENDAKLAH MENYEDARI TENTANG BETAPA KOMPLEKS DAN RUMITNYA MENGGABUNGAN BEGITU BANYAK IDEOLOGI, KEBUDAYAAN DAN BERBAGAI EKONOMI ANTARA NEGARA-NEGARA BERKENAAN.

— BERSAMBUNG 1648/LK

B544:  
MAHATHIR 3 DENPASAR

BELIAU MENYATAKAN PERSATUAN NEGARA-NEGARA SELALUNYA LEMAH DAN MUDAH BERPECAH BILA MENGHADAPI SESUATU KEADAAN RUMIT.

SAGAIMANAPUN, KATANYA, PENGALAMAN ASEAN MUNGKIN BOLEH DIJADIKAN PANDUAN DAN INSPIRASI BAGI KERJASAMA PASIFIK.

DALAM JANGKAMASA YANG PEGITU SINGKAT IAITU 10 TAHUN, GABUNGAN ASEAN TELAH MENJADI GABUNGAN YANG EFEKTIF YANG TIDAK TERLALU TERIKAT OLEH KEHENDAK SYARAT-SYARAT KONTREK SEBAGAIMANA OLEH KESEDARAN KEMASYARAKAT YANG MENIMBULKAN MOMENTEMNYA SENDIRI.

70

ASEAN TIDAK DIBINA ATAS SEBARANG REKAAN YANG MEGAH. TIDAK ADA PERANCANGAN EKONOMI TETAPI SEMANGAT PERKONGSIAN TERUS DIPUPUK ATAS DASAR MATLAMAT MUDAH UNTUK MEJUJUDKAN SATU +ASAS YANG KUKUH BAGI TINDAKAN BERSAMA BAGI MENGGALAK KERJASAMA RANTAUAN YANG TERMAKTUB DALAM PERISYTIHARAN.

PADA HAKIKATNYA, ASEAN ADALAH SEBUAH BADAN YANG PERCAYA KEPADA USAHA BERSAMA BAGI MENCAPAI KEMAJUAN, DAN BAGI DASAR SALING BERGANTUNG KEPENTINGAN MASING-MASING, + KATANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA DASAR SALING BERGANTUNGAN MASIH MERUPAKAN KONSEP EKONOMI YANG BUKAN SATU REALITI BAGI KEBANYAKAN NEGARA MISKIN. SALING PERGANTUNGAN YANG SEBENAR TIDAK BERERTI BANYAK SALING BERGANTUNG PADA SATU SAMA LAIN TETAPI JUGA PERSAMAAN KUALITI KEKUATAN BAGI MEMBANTU SATU SAMA LAIN. --  
BERSAMBUNG 1653/LK

B545:  
MAHATHIR & DENPASAR

+INI HANYA DAPAT DIJAYAKAN BILA NEGARA-NEGARA MISKIN TELAH MAJU KE SATU PERINGKAT PENYERTAAN MEREKA DALAM EKONOMI DUNIA SEJAJAR DENGAN SUMEANGAN MEREKA KE ARAH KEBAJIKAN DUNIA.

PENGERUSI KEHORMAT CSIS, LT. JENERAL SOEDJONO HOEMARDANI BERKATA SIDANG BALI ITU AKAN MENKAKAJI RUPABENTUK HUBUNGAN DI KALANGAN NEGARA RANTAU ASIA PASIFIK BAGI DEKAD AKAN DATANG. -- BERNAMA  
1655/LK